


JABATAN KEHAKIMAN MALAYSIA,
MAHKAMAH TINGGI,
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,
JALAN RAJA,
50050 KUALA LUMPUR.



Bil. Kami: (28) dlm. JK/MA 38
Tarikh : 6 April, 1989

Semua Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi,
Semenanjung Malaysia.

ARAHAN AMALAN NO. (3) TAHUN 1989
PROSEDUR RAYUAN DALAM MAHKAMAH TINGGI
DAN DARIPADA MAHKAMAH TINGGI

Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya dengan ini mengarahkan supaya prosedur berikut hendaklah dipatuhi di semua pejabat pendaftaran Mahkamah Tinggi.

1. Pembicaraan di hadapan Penolong Kanan Pendaftar

Apabila selesai sesuatu pembicaraan mengenai mana-mana perkara di hadapan Penolong Kanan Pendaftar yang tertakluk kepada rayuan di hadapan Y.A. Hakim dalam Kamar, Penolong Kanan Pendaftar itu hendaklah menyimpan fail tersebut di dalam Kamarnya bagi suatu tempoh selama 5 hari.

2. Jika terdapat sesuatu rayuan, fail itu hendaklah dikemukakan kepada Y.A. Hakim itu dengan serta-merta untuk ditetapkan suatu tarikh pembicaraan.

3. Pembicaraan di hadapan Y.A. Hakim dalam Kamar

Apabila selesai sesuatu pembicaraan mengenai mana-mana perkara di hadapan Y.A. Hakim dalam Kamar, Penolong Kanan Pendaftar hendaklah menyimpan fail itu di dalam Kamarnya bagi suatu tempoh selama 4 hari.

4. Jika terdapat suatu permohonan untuk mendapatkan penangguhan bagi hujah selanjutnya dibuat di Mahkamah Terbuka, Penolong Kanan Pendaftar hendaklah dengan serta-merta mengemukakan fail itu kepada Y.A. Hakim sama ada untuk -

- (a) ditetapkan tarikh pembicaraan; atau
- (b) Perakuan Tiada Hujah Lanjut dikeluarkan (yang hendaklah dikeluarkan pada hari yang sama yang ditetapkan oleh Y.A. Hakim).

5. Rayuan-rayuan kepada Mahkamah Agung


Penolong Kanan Pendaftar hendaklah memberitahu Y.A. Hakim dengan serta-merta mengenai mana-mana perkara yang berikut:-

- (a) permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk merayu kepada Mahkamah Agung;
- (b) permohonan bagi mendapatkan penangguhan prosiding/pelaksanaan sementara menanti rayuan itu didengar di Mahkamah Agung;
- (c) Notis Rayuan kepada Mahkamah Agung mengenai apa-apa perkara yang diputuskan oleh Y.A. Hakim.

6. Permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk merayu kepada Mahkamah Agung dan/atau bagi penggantungan, hendaklah didengar pada hari yang sama permohonan itu diterima atau pada hari bekerja yang berikutnya.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(ZAINAL ABIDIN BIN BIN MOHD WAZIR)
Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Malaya,
Kuala Lumpur.

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara.

Y.A.A. Hakim Besar Malaya.

Y.A.A. Hakim Besar Borneo - untuk makluman Y.A.A..

Y.A. Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman, Mahkamah Tinggi Malaya.

Y.B. Peguamcara Negara,
Jabatan Peguam Negara,
Bangunan Bank Rakyat,
Jalan Tangsi,
KUALA LUMPUR.

Ketua Pendaftar.

Timbalan Pendaftar, Mahkamah Agung, (Bahagian Biro)

Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi,
Kuala Lumpur,

Hakim Kanan,
Mahkamah Sesyen,
Semenanjung Malaysia.

Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Agung/Tinggi (Bahagian Jenayah),
Kuala Lumpur.

Perpustakaan, Mahkamah Agung,
Kuala Lumpur.

Kerani Kanan, Mahkamah Agung/Tinggi, Kuala Lumpur.

Majlis Peguam, No.5 Jalan Tun Perak, K. Lumpur.